



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 ( ) 06/04

## LIMA 2025 MENJANJIKAN LONJAKAN INOVASI DAN TRANSFORMASI UNTUK INDUSTRI AEROANGKASA DAN MARITIM

1. Kami dengan ini mengumumkan pelancaran Pameran LIMA 2025, yang dijadualkan berlangsung dari 20 hingga 24 Mei 2025. Pameran ini adalah anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dengan Global Exhibitions and Conferences Sdn Bhd (GEC).
2. Majlis pelancaran Pameran LIMA 2025 dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Adly bin Zahari, yang bertemakan "**Innovate Today, Thrive Tomorrow**", adalah untuk mengetengahkan kepentingan pemain-pemain industri untuk sentiasa berinovasi dan meningkatkan daya saing seiring dengan perkembangan teknologi yang kian pesat.
3. Pameran yang memasuki edisinya yang ke-17 telah mendapat sambutan awal yang menggalakkan oleh syarikat dari dalam dan luar negara, walaupun LIMA 2025 baru sahaja dilancarkan hari ini. Ianya membuktikan bahawa Pameran LIMA adalah sebuah acara yang dinanti-nantikan oleh pemain tempatan dan antarabangsa dalam industri aeroangkasa dan maritim.
4. Seperti yang dinyatakan oleh YB Adly, "Dalam memastikan kejayaan penganjuran LIMA 2025, GEC telah menjalankan kolaborasi strategik bersama Arabian World Events, QUBE Integrated Malaysia Sdn Bhd, SHP Media Sdn Bhd, Curio Pack Sdn Bhd, *Malaysian Aerospace Industry Association* (MAIA) dan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MiGHT). Syarikat masih berterusan berbincang bersama dengan rakan strategik lain yang berpotensi untuk membawa LIMA 2025 ke tahap yang mampu memberikan impak positif kepada negara dan juga industri."
5. Selain daripada pameran sedia ada, LIMA 2025 akan mengetengahkan beberapa segmen baru bagi menarik lebih banyak penyertaan daripada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menjadi sebahagian daripada Pameran LIMA 2025 bagi kedua-dua segmen aeroangkasa dan maritim. Kami menggalakkan penyertaan daripada Institusi Pendidikan Tinggi kerajaan dan swasta yang memiliki kepakaran industri aeroangkasa dan maritim untuk menyertai Pameran LIMA 2025. Ini adalah hasrat dan inisiatif kami daripada Kementerian Pertahanan untuk menjadikan Pameran LIMA sebagai sebuah pusat perkembangan industri dan pembangunan sumber manusia.
6. Kementerian Pertahanan juga akan bekerjasama rapat dengan GEC sebagai pengajur bersama untuk memastikan LIMA 2025 sebuah acara yang maju jaya di persada antarabangsa.

7. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin Ishak, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan Awam dan ATM.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**26 April 2024**